

## Kaedah Ganjaran Dan Hukuman Dalam Membentuk Akhlak Murid

Ainul Widad Binti Muhd Fauzi  
aiwi.fauzi87@gmail.com

Asmawati Binti Suhid, PhD.  
asmawati@upm.edu.my

Fathiyah Binti Mohd Fakhruddin, PhD.  
fathi@upm.edu.my

Fakulti Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

### Abstrak

Akhlak merupakan salah satu bidang pembelajaran dalam Pendidikan Islam yang sangat penting dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Pengajaran akhlak yang berkesan mampu membentuk sahsiah diri murid malah dapat melahirkan murid yang berilmu, beriman, beramal soleh dan beradab. Dalam menghadapi era pendidikan abad ke 21, didapati masalah akhlak semakin berleluasa dalam kalangan murid sekolah rendah mahupun menengah. Guru sebagai medium utama dalam pendidikan, tidak hanya menyampaikan ilmu pengetahuan malah berperanan membentuk akhlak murid menerusi kaedah pengajaran yang sesuai bagi mengekang masalah akhlak tersebut. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan tentang keberkesanan kaedah ganjaran dan hukuman dalam pengajaran Pendidikan Islam untuk membentuk akhlak murid. Penulisan kertas kerja ini memberi fokus kepada bagaimana kaedah ganjaran dan hukuman berperanan untuk membentuk akhlak murid. Selain itu, konsep dan kepentingan akhlak turut dikupas dalam penulisan ini.

Kata Kunci: guru, ganjaran, hukuman, akhlak.

### *Abstract*

*Moral is one of the areas of learning in Islamic Education that is very important and needs to be given due attention. Effective moral teaching can shape the personality of the students and can produce students who are knowledgeable, faithful, righteous and civilized. In the face of the 21st century education era, it has been found that academic problems are increasingly widespread among primary and secondary students. Teachers as the primary medium in education, not only convey knowledge but also play the role of pupils' morality through appropriate teaching methods to curb the problem of morality. Therefore, this paper aims to discuss the effectiveness of the methods of reward and punishment in the teaching of Islamic Education to shape the moral character of the students. The writing of this paper focuses on how rewards and punishments play a role in forming student morality. In addition, the concept and the importance of morality are covered in this writing*

*Keywords : teacher, rewards, punishment, moral value.*

Aspek akhlak adalah antara aspek yang ditekankan dalam Pendidikan Islam selain daripada aspek akidah, ibadah dan Al-Quran. Ini bertepatan dengan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri iaitu untuk membentuk individu yang boleh berfungsi sebagai khalifah yang dapat memikul tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh Allah S.W.T (Haron Din & Sobri Salomon, 1988; Ahmad Mohd Salleh, 2008). Proses pembentukan akhlak murid pada hari ini dan masa hadapan menjadi

tanggungjawab yang berat bagi para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam. Oleh itu, guru perlulah mengetahui dan menguasai pelbagai kaedah pengajaran yang berkesan agar dapat membentuk akhlak murid selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam (Ab Halim & Mohamad Khairul, 2010). Ini menunjukkan guru mempunyai pengaruh yang penting untuk membentuk murid khususnya dalam membentuk keimanan, ilmu, ibadah dan penghayatan akhlak bagi merealisasikan matlamat yang telah digariskan dan falsafah pendidikan yang telah digubal (Fathiyah, 2010).

Islam telah menggariskan prinsip pendidikan akhlak mengikut tahap perkembangan murid. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan difahami murid mestilah menggunakan kaedah dan teknik yang betul bagi menarik murid supaya lebih fokus dalam kelas. Guru perlu menguasai pembangunan murid secara holistik bukan sahaja dalam aspek akademik malah personaliti dan kerohanian murid (Asmawati, Fathiyah, Samsilah, Lukman & Mohd Aderi, 2014). Kecemerlangan akademik perlu selari dengan keunggulan akhlak. Oleh itu, proses mendidik akhlak perlu dilaksanakan secara berterusan dengan menggunakan kepelbagaian kaedah pengajaran. Antara kaedah pembentukan akhlak yang boleh digunakan ialah kaedah ganjaran dan hukuman.

### **Masalah Akhlak Murid Masa Kini**

Permasalahan akhlak semakin menular di dalam masyarakat terutamanya dalam kalangan murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Masalah akhlak murid semakin mendapat perhatian lantaran semakin banyak perlakuan yang telah menghakis nilai-nilai mulia akhlak Islam. Ini terbukti sebanyak 10,154 kes disiplin bagi pelbagai kesalahan membabitkan murid di Negeri Sembilan direkodkan sepanjang tahun 2018. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Datuk Pkharuddin Ghazali, berkata daripada jumlah itu, kesalahan ponteng sekolah mencatat bilangan tertinggi, iaitu 7,709 kes, manakala baki adalah kes disiplin lain seperti tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri dan vandalisme (Berita Harian, Februari 2019)

Masalah akhlak seperti ini tidak wajar di pandang remeh dan dibiarkan berlarutan sehingga menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru seharusnya mengguna pakai pelbagai kaedah bagi menangani masalah akhlak murid kerana setiap murid mempunyai keserasian kaedah yang berbeza untuk mereka bersedia menerima didikan (Fathiyah, 2010). Asmawati, Fathiyah & Abd. Muhsin (2017) berpandangan bahawa pendidikan akhlak perlu dilakukan secara berterusan dengan pelaksanaan kaedah yang sesuai dan diperteguhkan dengan kaedah ganjaran dan hukuman. Secara langsung dapat memberi peringatan kepada murid agar sentiasa mengikut batasan yang ditentukan oleh syarak dalam kehidupan seharian (Asmawati, 2009).

### **Konsep Akhlak**

Akhlak daripada segi etimologi berasal daripada perkataan Arab, iaitu jamak kepada perkataan *al-khuluq* atau *al-khulq* yang membawa maksud tabiat semula jadi, budi pekerti, tingkah laku, perangai, adat, susila, kebiasaan, maruah ataupun gaya hidup individu atau kumpulan individu (Al-Ghazali, 1988; Mohd Nasir, 2010). Maksud akhlak daripada segi istilah pula merujuk kepada perilaku yang meresap ke dalam jiwa seseorang. Jika perbuatan yang dilakukan seseorang itu mulia dan terpuji menurut syarak, maka itulah yang dinamakan sebagai akhlak yang baik. Namun jika sebaliknya, dinamakan sebagai akhlak yang buruk dan keji (Jalaluddin & Ab Halim, 2010; Abdul Hafiz et al., 2012).

Akhlak menurut tokoh moralis Islam terkenal iaitu Ibnu Miskawayh (1961) merupakan keadaan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa berfikir atau merancang terlebih dahulu. Keadaan jiwa tersebut terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama merupakan

keadaan jiwa yang bersifat semulajadi yang asalnya daripada tabiat diri seseorang seperti malu, marah, takut dan sebagainya. Yang kedua pula adalah situasi kejiwaan yang diperolehi oleh seseorang bersumberkan kebiasaan dan disiplin diri (Mohd Nasir, 2010; Ahmad Mohd Salleh, 2002).

Pandangan Miskawayh ini turut disokong oleh sarjana Islam yang tersohor, Al-Ghazali (1988) yang merumuskan akhlak sebagai *ethics of the soul* iaitu sifat yang melekat dan tertanam dalam jiwa seseorang yang menimbulkan perbuatan-perbuatan yang mudah tanpa memerlukan pemikiran ataupun pertimbangan. Ia merupakan suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan perlakuan atau perilaku yang baik atau buruk tanpa perlu dipertimbangkan oleh fikiran terlebih dahulu (Mohd Sulaiman, 1992; Zakaria Stapa, 2001; Mohd Nasir, 2010). Oleh itu, akhlak yang dimaksudkan oleh Al-Ghazali (1988) tidak berbentuk suatu pengetahuan mahupun kebolehan seseorang dalam melakukan sesuatu perbuatan, malah akhlak yang akan lahir itu adalah sesuai dengan pembawaan dan sifat yang ada dalam jiwa individu. Ini jelas menunjukkan akhlak sangat penting dan besar pengaruhnya dalam membentuk tingkah laku seseorang.

Dalam pada itu, menurut Al-Ghazali (1988), akhlak terbina daripada dua perkataan yang berhubung secara langsung iaitu *al-khalqu* (kejadian) dan *al-khuluqu* (akhlak atau tingkah laku). *Al-khalqu* merujuk kepada kejadian fizikal yang memberi gambaran zahir diri manusia manakala *al-khuluqu* merujuk kepada gambaran batin. Kedua-dua perkataan ini memberi gambaran jelas akan kejadian manusia itu sendiri yang terdiri daripada dua unsur iaitu unsur jasad yang dapat dilihat dengan mata kasar manakala unsur roh atau nafs yang hanya dapat dirasai melalui mata hati (Zakaria Stapa, 2001).

### **Kepentingan Akhlak**

Akhlak penting sebagai kayu ukur kepada pembangunan sesebuah masyarakat. Akhlak yang baik akan melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai jatidiri yang tinggi. Kepentingan akhlak dapat dilihat dengan jelas lagi apabila Islam menjadikan akhlak sebagai alasan agama Islam diturunkan. Rasulullah s.a.w. diutuskan kepada manusia adalah untuk membawa risalah akhlak dan menyebarkan akhlak yang mulia. Sepertimana sabda Nabi dalam sebuah hadis yang berbunyi:

*"Bahawasanya aku ini diutus untuk menyempurnakan akhlak"*

(riwayat Ahmad, al-Hakim dan Baihaqi).

Maka jelaslah akhlak mempunyai kepentingan yang sangat kuat dalam kehidupan seorang Muslim. Keseluruhan akhlak yang dipamerkan oleh Nabi Muhammad adalah contoh teladan dan ikutan manusia (Mohammad Saiful, Mohd Aderi & Mohd Isa, 2016) sebagaimana disebutkan dalam firman Allah dalam surah Al-Ahzab ayat 21 yang berbunyi:

*Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh tauladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah. (al-Quran, Al-Ahzab 33: 21)*

Ayat al-Quran ini secara jelas menunjukkan bahawa akhlak yang baik mempunyai pengaruh yang sangat besar kerana ia menjadi nilai kepada tahap keimanan seseorang. Hakikat daripada pengertian akhlak iaitu suatu keadaan jiwa yang benar-benar telah meresap dan daripada situlah timbulnya pelbagai perbuatan dengan cara spontan dan mudah tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan pemikiran (Al-Ghazali, 1988; Mohd Nasir, 2010, Rohana & Norhasni, 2014). Oleh itu, pembentukan

akhlak perlu dimulakan dari seawal peringkat kanak-kanak agar ia sehati dan mudah meresap dalam jiwa mereka.

Setiap amalan dan perlakuan manusia hendaklah berlandaskan syariat Islam yang meliputi aspek ibadah, akhlak dan muamalat (Azizah, Nor Adha & Norul Huda, 2015). Oleh itu, Islam dianjurkan supaya mengamalkan adab-adab mulia dalam kehidupan. Ini kerana setiap perkara ada kandungan dan bentuknya. Dalam akhlak, antara kandungannya ialah adab, manakala bentuk intinya ialah iman dan taqwa (Asmawati, 2009). Ini bermakna apabila menyebut pentingnya akhlak, secara langsung menyentuh adab-adab mulia.

Rumusannya, akhlak dapat melatih dan membentuk peribadi seseorang untuk menjadikan individu tersebut baik dan mulia dalam kehidupan. Malah mempunyai hubungan yang erat dengan tahap keimanan seseorang. Sistem akhlak Islam yang ditekankan secara berperingkat adalah bagi memastikan setiap individu mencapai matlamat kebenaran, keadilan dan hikmah penciptaannya serta untuk melahirkan generasi manusia yang berakhlak (Jamilah, 2013). Ini jelas menunjukkan bahawa akhlak mulia akan menjamin keselamatan hidup manusia dunia dan akhirat.

### **Kaedah Ganjaran**

Ganjaran atau *targhib* merupakan suatu alat pendidikan yang diberikan sebagai imbuhan terhadap sesuatu perkara baik khususnya dalam aspek pencapaian murid-murid (al-Nahlawi, 1989). Al-Ghazali (1988) berpendapat bahawa jika anak-anak melakukan kebaikan, maka hendaklah mereka diberikan penghargaan samada berbentuk *hissi* atau *ma'nawi*. Dalam maksud lain, murid yang menunjukkan akhlak yang baik, harus mendapat ganjaran dan pujian sebagai hadiah dan sokongan agar murid sentiasa menjaga tingkah laku mereka.

Dalam al-Quran juga telah banyak disebutkan tentang kaedah ganjaran yang boleh mendorong manusia ke arah kebaikan. Ini kerana kaedah ini bersesuaian dengan asas-asas kemanusiaan yang sentiasa inginkan kesenangan dalam hidup. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*Maka Allah memberi mereka pahala di dunia dan pahala yang baik di akhirat. Dan Allah mencintai orang-orang yang membuat kebaikan.* (al-Quran, Ali 'Imran 3: 148).

Ayat di atas menunjukkan ganjaran yang diberi oleh Allah SWT berupa pahala terhadap hamba-Nya yang melakukan kebaikan. Ganjaran pahala itu sebagai galakan dan dorongan agar manusia sentiasa melakukan kebaikan atau mengamalkan akhlak terpuji dalam kehidupan. Manakala dalam konteks kajian ini, kaedah ganjaran dalam pengajaran dan pembelajaran diperlukan untuk membentuk sahsiah diri murid. Selain itu, pemberian ganjaran ini membawa kepada pembentukan tingkah laku baru atau situasi pembelajaran yang baru (Naimah, Khadijah & Maimun Aqsha, 2016). Antara contoh ganjaran yang boleh diberikan seperti memberi hadiah, token, pujian dan penghargaan. Menurut ahli psikologi Maslow (1970), kaedah ganjaran merupakan suatu bentuk peneguhan positif yang diberikan kepada murid sebagai dorongan dan motivasi agar murid dapat mengekalkan tingkah laku yang baik. Setiap rangsangan yang boleh menambahkan kebarangkalian sesuatu tingkah laku ke arah kebaikan akan disifatkan sebagai peneguhan positif. Al-Ghazali (1988) menjelaskan bahawa sewaktu murid menunjukkan tingkah laku yang baik dan terpuji, maka mereka perlu dihargai dan dibalas dengan sesuatu yang menggembirakan dan dipuji atau diberi hadiah.

Suhaimi (2013) dalam kajiannya menjelaskan bahawa cabaran yang paling besar dalam menghasilkan murid yang mempunyai akhlak yang baik adalah kekurangan ganjaran dan sokongan.

Oleh itu, guru perlu berusaha melaksanakan kaedah ganjaran untuk membentuk akhlak murid lantaran dapat memberi kesan yang positif daripada aspek perkembangan minda murid. Secara tidak langsung dapat meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Begitu juga dengan kajian Zalina, Mohd Hanafi & Mohd Mokhtar (2016), mendapati bahawa kaedah ganjaran yang digunakan sangat berhasil mengubah sikap yang negatif kepada lebih positif. Ini membuktikan bahawa ganjaran seperti pujian dan token ekonomi merupakan salah satu teknik yang mampu memberikan kesan dan memberi motivasi kepada murid sekiranya ia dilaksanakan sesuai dengan masalah yang hendak diselesaikan.

Manakala dalam kajian Mohamad Khairudin, Rohaida, M. Y. Zulkifli, Noor Naemah & Durriyyah (2012) mendapati hasil kajian temu bual yang dilakukan, didapati antara jenis ganjaran yang diamalkan dalam sesi hafalan al-Quran adalah berbentuk kewangan, pemberian penghargaan berbentuk pujian, kebendaan, anugerah atau pengiktirafan peringkat sekolah dan aktiviti disukai kepada murid-murid. Ini menunjukkan guru berjaya memotivasikan diri murid untuk mencapai sasaran hafalan yang telah digariskan dalam sukatan.

Berdasarkan huraian yang dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa kaedah ganjaran berperanan sebagai elemen yang membentuk sikap atau akhlak baik. Kaedah ganjaran juga sewajarnya tidak perlu dipertikaikan lagi kerana ia bersesuaian dengan naluri manusia yang sukakan ganjaran atau balasan baik atas perbuatan yang dilakukannya. Ternyata kaedah ganjaran mampu dijadikan satu langkah penyelesaian dalam memupuk akhlak baik murid.

### **Kaedah Hukuman**

Kaedah hukuman merupakan kaedah terakhir dalam mendidik akhlak murid. Kebiasaannya kaedah ini dilaksanakan apabila kaedah dorongan seperti nasihat dan ganjaran tidak berjaya menangani masalah akhlak. Maka, usaha seterusnya untuk memperbaiki akhlak adalah menerusi hukuman yang sewajarnya. Kaedah hukuman disebut juga sebagai *al-tarhib* yang bermaksud amaran dan ancaman supaya meninggalkan perangai yang tidak baik serta menjauhi daripada perkara tersebut (al-Nahlawi, 1989). Ia bertujuan agar murid sedar akan kesilapan yang dilakukan serta memperbaiki kelemahan diri (Suhailiza, Dini Farhana, Nur Kareelawati & Eizan Azira, 2018). Al-Quran turut menyebut tentang kaedah hukuman, antaranya yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan. (Surah al-Tahrim 66: 6)*

Ayat ini menggesa manusia berbuat baik dan menghindari perbuatan jahat dengan menggambarkan balasan buruk atau hukuman pedih yang akan menimpanya jika melakukan larangan Allah SWT. Walaupun, al-Quran menetapkan hukuman sebagai satu kaedah pendidikan namun ia merupakan kaedah terakhir dan bergantung kepada keperluan murid yang berbeza. Ulwan (2000) menjelaskan bahawa sekiranya seorang anak itu boleh berubah dengan cara menasihati atau menerusi kaedah dorongan maka kaedah tersebut merupakan kaedah yang terbaik yang perlu dilaksanakan dalam pengajaran. Sebaliknya, jika anak-anak tersebut hanya boleh berkelakuan baik dengan memukul maka kaedah hukuman boleh dilaksanakan sebagai jalan terakhir.

Penggunaan kaedah hukuman dalam mendidik tidak semestinya terus kepada pukulan, sebaliknya perlu bermula dengan memberi nasihat dan ancaman terlebih dahulu. Seandainya, tidak

berfungsi dalam mengubah tingkah laku yang negatif, maka baharu beralih kepada hukuman seperti denda dan pemuluan (Abdul Rahman, 2008). Dalam Islam telah membenarkan pelaksanaan hukuman berbentuk pukulan terhadap anak, akan tetapi hukuman tersebut hanya boleh dilakukan setelah anak berumur 10 tahun. Hukuman yang dijalankan pula seharusnya tidak dalam keadaan tergesa tanpa mempertimbangkan, tidak dilakukan dalam keadaan marah, malah dilakukan setelah jelas kesalahan dilakukan dan tidak dilakukan pada anggota yang sensitif seperti muka, kepala dan sebagainya (Ulwan, 2000). Walaubagaimanapun, Ibn Khaldun (1995) menyatakan hukuman berbentuk pukulan ini merupakan suatu hukuman yang kejam yang akan menyebabkan anak bertambah liar dan sukar didik.

Dalam kajian Mohd Fadli, Mohd Hanafi & Mohd Mokhtar (2016) mendapati bahawa kaedah *time-out* juga boleh dikategorikan dalam kaedah hukuman. Kaedah ini dilaksanakan jika murid tidak menunjukkan akhlak yang diingini, maka murid tersebut akan dihantar ke lokasi yang ditetapkan oleh guru seperti berdiri di luar kelas. Manakala dalam kajian Muslihah, Mohd Azam, & Fatimah (2016) mendapati murid yang didapati bersalah melanggar peraturan sekolah maka ia wajar dihukum dengan kaedah hukuman. Kaedah hukuman yang dijalankan di sekolah harus berasaskan prinsip, pencegahan yang berupaya mengelak daripada berlakunya kerosakan moral yang boleh menghalang perkembangan pembelajaran pelajar. Oleh itu, ternyata pendidikan menerusi kaedah hukuman ini boleh diguna pakai oleh guru dalam membentuk akhlak murid. Ini kerana, kaedah ini mampu mencetuskan rasa takut dan bimbang yang menyebabkan murid akan meninggalkan akhlak yang buruk.

### Kesimpulan

Menerusi perbincangan di atas, jelas memperlihatkan kaedah ganjaran dan hukuman merupakan antara kaedah pengajaran dalam membentuk murid yang berilmu, beriman dan berakhlak. Namun, kaedah ganjaran dan hukuman kurang diperkatakan sebagai antara kaedah pengajaran bagi membentuk akhlak murid. Oleh itu, kajian ini dijadikan sebagai penambahbaikan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran agar dapat menyelesaikan masalah akhlak yang berlaku tidak berulang lagi sekaligus dapat meningkatkan kawalan kelas dengan baik. Guru Pendidikan Islam perlu sentiasa peka akan perubahan yang berlaku terhadap murid agar murid tidak terjebak dengan masalah akhlak seterusnya melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut perkembangan mereka.

### Rujukan

- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Aljuhary. (2010). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep *Mua'allim*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1) :43-56
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri melayu-muslim menerusi Pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 23-35.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2000). *Pendidikan Anak-anak menurut pandangan Islam*. Jilid 2. Terj. Osman Khalid, Sohair Abdul Moneim Sery, Siti Saudah Hassan, Busura Talib & Ibrahim Yaacob. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & jQaf: Metodologi dan pedagogi pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad. (1988). *Ihya' `ulum al-din*, terj. Tk.H Ismail Yakub, cet. 2. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Abd. Muhsin Ahmad. (2017). Peringkat perkembangan akhlak manusia menurut Al-Quran. *Jurnal Al-Anwar*. Volume 4, No, 2, December 2017: 61-74.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Samsilah Roslan, Lukman Abdul Mutalib & Mohd Aderi Che Noh. (2014). Private Islamic primary school teachers' commitment in human capital development in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. Vol 5. No 27: 766-773.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam Konsep dan Amalan*. Utusan Publications & Distributors.
- Azizah Binti Mat Rashid , Nor 'Adha Binti Abdul Hamid dan Norul Huda Binti Bakar. (2015). Krisis akhlak: Penguatkuasaan undang-undang sebagai benteng menanganinya. *E – Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi Jilid II*, Isu I (2015) 1 – 18.
- Berita Harian Online Isnin, 10,154 Kes Disiplin *Babit Pelajar Tahun* Lalu. 18 Februari 2019.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2010). Penerapan elemen falsafah Pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah Lembah Klang. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Haron Din & Sobri Salomon.(1988). *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Ibn Khaldun. (1995). *Muqaddimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Miskawayh. (1966). *Tahdib Al-Akhlaq*. Beirut: American University of Beirut.
- Jalaluddin Tajuddin & Ab. Halim Tamuri. (2010). Kaedah berkesan pengajaran dan pembelajaran adab dan akhlak islamiah: Satu perbincangan. 1<sup>st</sup> International Conference on Islamic Education 2010. 271-284
- Jamilah Mohd Noor. (2014). Keberkesanan pendidikan akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seremban Negeri Sembilan. *Tesis Master*. Universiti Malaya.
- Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff , Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2012). Konsep ganjaran dalam aktiviti pembelajaran: pengamalannya di sebuah Sekolah Menengah Agama Di Terengganu. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference* 2012 56-70.
- Mohammad Saiful Izzat, Mohd Aderi Che Noh dan Mohd Isa Hamzah. (2016). Pendekatan metodologi pendidikan Rasulullah dalam pengajaran Pendidikan Islam. Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11. Bang.
- Mohd Fadli Mustafa Kamal, Mohd Hanafi Mohd Yassin & Mohd Mokhtar Taha. (2016). Penggunaan teknik peneguhan bagi mengatasi masalah tingkah laku hiperaktif . International Conference On Special Education in Southeast Asia Region 6<sup>th</sup> Series 2016 Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas, Rantau Asia Tenggara Siri Ke 6. 159-165.

- Mohd Nasir Omar. (2010). *Falsafah akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya, & Fatimah Nadirah Mohd Noor. (2016). Fardhu 'ain sebagai kerangka pembentukan disiplin pelajar di institusi Pendidikan Islam. *Jurnal Ulwan*. Jilid 1 2016: 59-73.
- Naimah Ghazali, Khadijah Abdul Razak dan Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis. (2016). *Metod Didikan Ibu Bapa dalam Pembentukan Akhlak. dlm falsafah dan pedagogi Pendidikan Islam isu dan cabaran*. Maimun Aqsha Abdin Lubis, Nor Faizah Abu Hashim & Nur Syamira Abdul Wahab (sunt.). Penerbit UKM Press. 92-162
- Rohana Tan dan Norhasni Zainal Abidin. (2014). Akidah, akhlak dan hubungannya dengan tingkah laku belia di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*. 64-79. Vol 1. No.1.
- Suhaimi Abd Rahman. (2013). Faktor sosial dalam pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah in prosiding seminar pertama pendidikan dan penyelidikan Islam. proceedings of the first seminar on islamic education and reserach. 478-492.
- Suhailiza Md. Hamdani, Dini Farhana Baharudi, Nur Kareelawati Abdul Karim dan Eizan Azira Mat Sharif. (2018). Meneroka model pendidikan seimbang untuk mendepani abad ke-21. 4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018.
- Zalina Katman, Mohd Hanafi Mohd Yasin dan Mohd Mokhtar Tahar. (2016). Penggunaan peneguhan positif : Pujian dan token ekonomi untuk modifikasi tingkahlaku murid pendidikan khas 'Slow learner'. <https://www.researchgate.net/publication/311105655>